

## KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA:SATU SOROTAN BERDASARKAN KARYA HISTORIOGRAFI

Ayu Nor Azilah Mohamad

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

*ayunorazilah@kuis.edu.my*

Mohamed Ali Haniffa

*Universiti Utara Malaysia*

*m.ali@uum.edu.my*

Wayu Nor Asikin Mohamad

*Kolej Universiti Bestari, Terengganu*

*wayu@ucbestari.edu.my*

### Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang kesetiaan kepada raja dan negara. Kupasan kajian lebih menjurus kepada karya-karya historiografi yang terpilih. Terdapat beberapa peristiwa yang mencerminkan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara. Contohnya seperti watak Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* yang tidak asing lagi dalam masyarakat Melayu. Ini termasuk juga watak Hang Jebat dan Bendahara Paduka Raja dalam *Sejarah Melayu*. Kesemua peristiwa yang berkaitan dengan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara serta kesetiaan raja kepada negara akan dikupas menggunakan kajian kepustakaan. Dalam konteks Malaysia hari ini, kesetiaan kepada raja dan negara ini terkandung dalam prinsip kedua Rukun Negara. Persamaan kedua-dua ini sama ada berdasarkan kepada karya-karya hostoriografi Melayu atau pun Rukun Negara, matlamatnya adalah sama iaitu seluruh warganegara harus menumpahkan taat setia kepada raja dan negara. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa aspek kesetiaan merupakan elemen penting yang perlu ada dalam kehidupan masyarakat bernegara. Hal ini merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan serta kestabilan Malaysia.

**Kata kunci:** Hang Tuah, Rukun Negara, Kesetiaan, Raja dan negara.

### Pengenalan

Kesetiaan pada raja dan negara yang ditunjukkan oleh warganegara melalui sumbangan dan pengorbanan merupakan unsur patriotisme yang sangat penting. Unsur ini perlu disemai dan ditanam dalam jiwa generasi muda khususnya dalam konteks masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Patriotisme juga memerlukan komitmen pemimpin dan semua golongan rakyat dengan mempertahankan asas pembinaan dan kedaulatan negara. Mempertahankan negara daripada musuh dan ancaman luar merupakan tanggungjawab setiap rakyat.

### Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

Kegemilangan empayar Melaka yang juga kerajaan berdaulat pertama di Tanah Melayu, terbina hasil kerjasama erat antara pemerintah dengan rakyat yang hidup dalam penyatuhan.

Menelusuri konteks institusi diraja di Malaysia hari ini, yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum, raja dan rakyat juga ibarat berpisah tiada.

Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Selaras dengan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja mengikut Perlembagaan, sistem beraja juga diamalkan di setiap negeri, dan Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri-negeri yang tidak beraja. Seri Paduka Baginda, Raja-Raja dan Yang Di-Pertua Negeri adalah merupakan lambang perpaduan rakyat. Kesetiaan kepada Raja dan Negara bermaksud, bahawa setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.

Mengambil kira kedudukan Malaysia sebagai negara masyarakat majmuk, prinsip kedua dalam Rukun Negara, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara dapat membantu menjadikan Malaysia terus maju dan negara berdaulat. Rukun Negara telah diisyiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong Keempat pada 31 Ogos 1970 bersempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan negara. Majlis Perundungan Negara telah merumuskan bahawa satu ideologi ini dibentuk untuk mengatasi garis pemisah antara kaum yang diwujudkan di negara ini. Ini berpunca daripada kedatangan penjajah Inggeris telah menukar bentuk masyarakat negara ini. Di bawah dasar pecah dan perintah, kerajaan kolonial Inggeris telah memisahkan tempat tinggal dan pekerjaan antara etnik Melayu, Cina dan India. Keadaan ini telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan setiap etnik. Kemuncak kepada perasaan tidak puas hati inilah ialah apabila terjadinya peristiwa 13 Mei 1969. Atas faktor inilah Rukun Negara diwujudkan demi mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat. Selain itu, objektif Rukun Negara juga untuk memelihara satu cara hidup demokratik di samping mencipta masyarakat yang adil apabila kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil serta saksama. Bahagian pertama objektif Rukun Negara seterusnya ialah membentuk satu sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak. Seterusnya membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden (Raduan Tambi, 2013). Namun, dalam artikel ini hanya membicarakan tentang Rukun Negara kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Raja dalam konteks Malaysia hari ini adalah berperanan untuk memperkuuh perpaduan rakyat walaupun terdapat perbezaan agama, kaum serta fahaman politik. Rukun Negara meletakkan unsur Kesetiaan kepada Raja dan Negara untuk dipertahankan kerana menjadi panduan hidup rakyat dalam mendukung Perlembagaan negara. Perlembagaan yang ada pada masa kini mencatat peranan Raja sebagai ketua negara, ketua negeri dan ketua agama Islam. Semua ini dibawa sebagai warisan daripada zaman dahulu lagi sebelum datangnya kuasa penjajahan barat dan sehingga hari ini. Kedudukan Raja pada peringkat kerajaan juga jelas dan undang-undang tubuh negeri turut menzahirkan dengan terperinci peranan serta kedudukan Raja-Raja Melayu. Umpama ‘aur dengan tebing’, konsep Raja Berperlembagaan itu bersesuaian dengan kedudukan institusi diraja dalam memastikan hubungan antara raja dan rakyat dapat diperkuuhkan.

(28 Jun 2020. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/704988/terap-konsep-kesetiaan-kepada-raja-negara-dalam-pendidikan>. Dirujuk pada 30 Oktober 2020).

Sistem beraja Melayu terbina hasil daripada pengaruh fahaman Hindu. Kelas atasan terdiri daripada keturunan Sultan ataupun Raja, kerabat Sultan, Melayu aristokrat iaitu para pembesar yang memperoleh kuasa dari Sultan. Dalam sistem politik feudal lampau, tumpuk pemerintahan terletak di bahu Sultan kerana baginda mempunyai kuasa kedaulatan iaitu satu kepercayaan kuno dengan kesemua kekayaan yang terkandung di dalam negeri berada di tangan Sultan. Hubungan erat antara prinsip ini dengan kedaulatan Sultan menjadikan kaki Sultan sebagai ‘simbol’ kuasa. Contohnya, semasa pemerintahan Sultan Mansur Syah, salah seorang Maharaja Cina telah mengidap penyakit aneh dan baginda telah memberi air basuhan kakinya untuk diminum sebagai penawar (Muhammad Yusoff Hashim, 2015:98). Selepas kedatangan Islam, nilai ‘kedaulatan dan kekuasaan’ telah diislamkan dan Sultan bertanggungjawab melindungi hak kebaikan rakyat serta kesucian Islam. Kewujudan institusi raja mampu memastikan orang Melayu terus kekal dilindungi agamanya, yakni agama Islam dan di samping meneruskan peranan raja mendaya upaya kepentingan-kepentingan umat Islam dalam negara ini. Melihat semula kepada sejarah, kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah mengubah peranan raja sebagai khalifah atau pemimpin dalam membimbang rakyat mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh syariah. Manakala rakyat pula diseru untuk mentaati pemerintah selagi mereka mentaati hukum Allah SWT (Wan Norhasniah Wan Husin, 2015: 92).

### **Karya-karya Historiografi**

Historiografi adalah kajian mengenai metode sejarawan dalam pengembangan sejarah sebagai disiplin akademis, dan secara luas merupakan setiap karya sejarah mengenai topik tertentu. Historiografi tentang topik khusus melingkupi tentang bagaimana sejarawan mengkaji topik tersebut dengan menggunakan sumber, teknik, dan pendekatan teoretis tertentu. Historiografi tradisional merupakan ekspresi kultural dari usaha untuk merakam sejarah. Dalam historiografi tradisional terjalinlah dengan erat unsur-unsur sastera, sebagai karya imajinatif dan mitologi, sebagai pandangan hidup yang dikisahkan untuk huraian peristiwa pada masa lampau, seperti tercermin dalam babad atau hikayat. Contoh-contoh historiografi tradisional di antaranya ialah Sejarah Melayu, Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Aceh dan masih banyak lagi.

### **Kesetiaan kepada Raja dan Negara dalam karya historiografi terpilih**

Institusi Raja yang diperkenalkan adalah unik. Selain sembilan orang Raja bagi sembilan buah negeri, ada juga Yang di-Pertuan Agong. Selepas merdeka, lima tahun sekali, sembilan orang Raja Melayu ini memilih salah seorang daripada dalam kalangan mereka untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong bagi seluruh Persekutuan selama tempoh lima tahun secara bergilir-gilir. Kuasa memilih Yang di-Pertuan Agong diserahkan kepada Majlis Raja-Raja. Inilah yang dikehendaki oleh raja-raja dalam memorandum yang diserahkan kepada Suruhanjaya Reid pada tahun 1957. Segala formula dan peraturan pemilihan adalah seperti yang terkandung dalam memorandum tersebut. Meskipun tidak disebut bahawa Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa mutlak dalam pemilihan berkenaan, kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya seakan-akan menekankan sifat itu (Abdul Aziz Bari, 2006). Yang di-Pertuan Agong menjadi lambang kedaulatan dan perpaduan negara termasuk menjadi ketua agama Islam serta adat istiadat Melayu bagi negeri-negeri yang tidak ada Raja (Syed Husin Ali, 2014, 14).

Apabila menyebut tentang kesetiaan kepada Raja dan negara, nama Hang Tuah antara watak yang akan diingat dalam karya Hikayat Hang Tuah. Hang Tuah diperlihatkan sebagai seorang watak yang amat setia kepada tuannya. Ketaatsetiaan yang dipapar oleh Hang Tuah begitu mutlak (*absolute*) sifatnya. Beliau sanggup berkorban apa sahaja termasuk nyawanya sendiri

sebagai pertaruhan seandainya diperlukan oleh raja dan negara. Prinsip hidupnya iaitu ‘pantang Melayu menderhaka kepada raja’ sebenarnya merupakan lambang kesetiaan masyarakat Melayu keseluruhan di dalam pemerintahan feudal. Boleh dikatakan raja Melaka melambangkan kemuncak sistem feudal Melayu yang padu (atau ‘integrated’). Namun ada ilmuwan yang kurang bersetuju menyifatkan sistem ekonomi-politik Melaka itu sebagai feudal. Tidak dapat dinafikan bahawa apa yang dikatakan sistem feudal yang wujud di Melaka berlainan sifatnya daripada sistem feudal di Eropah dan juga Jepun.

Antara ciri-ciri penting sistem feudal Melayu seperti yang terdapat di Melaka ialah:

- (a) Walaupun ada kegiatan pertanian dan pemilikan serta pengeraian tanah, khususnya di wilayah-wilayah ‘jajahan takluk’ di luar Melaka, namun Melaka sendiri kegiatan ekonominya lebih berasaskan perdagangan laut.
- (b) Faktor yang lebih penting bagi menentukan kurang lebihnya kuasa Raja ialah bilangan pengikut, termasuk orang perang, hulubalang dan pengera tanah yang boleh memberikan kekuatan tenaga manusia lebih kuat dan kawasan tanah lebih luas.
- (c) Dari segi susun lapis dua golongan penting ialah bangsawan dan rakyat, dengan sumber-sumber kuasa dan kekayaan serta taraf tinggi, kemuliaan serta kemewahan tertumpu pada golongan bangsawan.
- (d) Pada zaman kegemilangan Melaka, terdapat lebih banyak pemasaran kekayaan dan kuasa pada Raja. Walaupun wujud ulama akan tetapi mereka tidak mempunyai kuasa dan kekayaan seperti terdapat dalam kalangan golongan paderi di Eropah.
- (e) Terdapat perbezaan darjah. Ini diperkuatkan oleh konsep tidak boleh derhaka dan taat setia yang menyuburkan sikap jiwa hamba dalam kalangan rakyat. (Syed Husin Ali, 2014)

Raja dianggap sebagai tempat bergantung hidup dan mendapatkan perlindungan oleh rakyat pada zaman feudal. Masyarakat percaya bahawa raja merupakan titisan dewa-dewa dan wakil Tuhan di dunia. Justeru itu, segala titah perintah daripada raja mesti dijunjung dan kedaulatan raja mesti dipelihara. Terdapat peristiwa rombongan raja Melaka ke Inderapura untuk meminang Tun Teja tetapi gagal. Hang Tuah amat marah:

“Maka Tun Tuah pun menyembah seraya berkata, ‘Cih! Bukan orangnya yang dititahkan itu. Jika Si Tuah gerangan membawa titah tuannya, sehingga putih tulang tiada putih mata!’ Setelah Tun Utama dan Tun Bija Sura mendengarnya kata Tun Tuah itu maka Tun Utama dan Tun Bija Sura pun masam mukanya.”

(Hikayat Hang Tuah, 1993: 116)

Melihat kepada episod di atas, jelas menunjukkan bahawa Hang Tuah sangat kecewa apabila kehendak dan keinginan raja Melaka tidak dapat dipenuhi. Lebih baik mati daripada menanggung malu dengan menyerah kalah apabila hasrat untuk membawa Tun Teja kepada raja Melaka tidak dapat dipenuhi oleh Tun Utama dan Tun Bija Sura. Pada Hang Tuah, sewajarnyalah beliau yang harus dipertanggungjawabkan untuk membawa Tun Teja itu kepada raja Melaka, bukannya orang lain. Pada Hang Tuah, selagi tugas membawa Tun Teja itu tidak berjaya, beliau akan berusaha sehingga berjaya dan tidak akan menyerahkan kalah dengan mudah. Itulah Hang Tuah menggunakan bidalan, ‘biar putih tulang, tiada putih mata’ yang bermaksud Hang Tuah sanggup mati daripada mengalah (Mazlan Ismail, 2007). Pada Hang Tuah, segala titah perintah daripada raja mesti dijunjung dan kedaulatan raja mesti diperlihara (Abdul Halim Bandan, 1994).

Kesetiaan Hang Tuah terserlah apabila beliau amat berpegang kepada prinsip ‘buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali-kali.’ Pegangan tersebut merupakan lambang prinsip kesetiaan orang Melayu ketika itu. Hang Tuah sendiri telah bersumpah bahawa beliau sama sekali tidak akan bertuan kepada orang lain selain daripada raja Melaka. Beliau tidak pernah belot sama ada di negara sendiri, mahu pun di negara lain ketika berkhidmat sebagai diplomat. Hang Tuah merupakan lambang kesetiaan bangsa Melayu kepada pihak pemerintah tanpa memperhitungkan kesilapan rajanya. Sebagai rakyat, kesetiaan Hang Tuah kepada raja begitu mutlak sifatnya. Kesetiaan ini sebenarnya mencerminkan kesetiaan rakyat secara keseluruhan ketika itu (Mohamad Badon & A. Samad Harun, 1993).

Ini dapat dilihat pada peristiwa Hang Tuah difitnah oleh Patih Kerma Wijaya akibat hubungan Hang Tuah terlalu akrab dan disayangi oleh raja. Akibat fitnah itu, Hang Tuah dijatuhi hukuman bunuh. Bendahara datang menemui Hang Tuah dan menerangkan tentang perintah raja itu. Peristiwa ini memperlihatkan kesetiaan Hang Tuah sepenuhnya;

“Setelah laksamana mendengar kata bendahara demikian itu, maka laksamana pun menghunus kerisnya dari pinggangnya lalu dipersembahkannya pada bendahara; demikian katanya, ‘Alhamdulillah! Si Tuah tiada bertuan dua tiga dan Si Tuah tiada mahu derhaka kepada tuannya. Segeralah datuk kerjakan titah yang maha mulia itu.”

(Hikayat Hang Tuah, 1993: 207)

Ini merupakan fitnah terhadap Hang Tuah kali pertama. Hang Tuah difitnah sebanyak dua kali dan kedua-dua dijatuhi hukuman bunuh oleh raja Melaka. Akan tetapi bendahara tidak membunuh Hang Tuah kerana menyedari semua itu adalah fitnah. Namun, perbuatan memfitnah contohnya kepada Hang Tuah merupakan suatu sindiran sejarah. Ini juga merupakan satu contoh komplot yang terjadi di dalam istana. Komplot istana yang sering berlaku dalam sejarah sesuatu dinasti di alam Melayu. Punca kejatuhan kota Melaka adalah kerana penyakit-penyakit dalam tubuh negara selain daripada kekuatan dan tenaga musuh yang datang dari luar. Harus diingat bahawa kerobohan empayar Rum juga disebabkan oleh faktor-faktor yang sama (Ahmad Sarji, 2004).

Apabila bendahara tidak menjalankan perintah raja, Hang Tuah meminta izin untuk pergi ke Inderapura dengan harapan untuk berbakti kepada raja. Di Inderapura, Hang Tuah berhasrat dan berusaha membawa Tun Teja untuk dipersembahkan kepada raja Melaka. Lagipun semasa rombongan raja Melaka ditolak pinangannya oleh Tun Teja, Hang Tuah sendiri seolah-olah terasa terhina. Ditambah pula jiwa Hang Tuah terlalu kasih dan sayangkan raja, maka Hang Tuah pula mencuba nasib. Jika berjaya, Hang Tuah beranggapan kesalahannya yang lalu akan dimaafkan oleh raja. Memang tepat jangkaan Hang Tuah, setelah berjaya mempersembahkan Tun Teja, Raja Melaka amat gembira dan baharulah menyedari akan kesetiaan Hang Tuah. Kesetiaan itu dibalas dengan hal berikut;

“Maka raja pun bertitah, ‘Ayuh, mamak bendahara, kita hendak anugerah nama akan Tun Tuah itu, kerana ia banyak kebaktiannya pada kita dengan teguh setianya.’ Maka sembah bendahara, ‘Daulat tuanku, sebenarnyalah patik itu dianugerah nama.’ Maka titah raja, ‘Hai Hang Tuah, kita anugerah nama ‘Laksamana’ dudukmu di atas segala hulubalang.”

(Hikayat Hang Tuah, 1993:252)

Jawatan ‘Laksamana’ merupakan satu-satunya jawatan yang terpenting dalam susunan pemerintahan negeri Melaka. Pentingnya jawatan ‘Laksamana’ itu adalah berasaskan sifat negeri Melaka itu sendiri sebagai sebuah kuasa laut. Sudah tentu keselamatan negara dijamin oleh

kekuatan laut. Mengikut sejarah, pemerintahan negeri Melaka berupa pemerintahan yang bercirikan laut dan bukannya pendalaman. Indragiri, Temasek, Kampar, Siak dan Rokan boleh dianggap sebagai kota pelabuhan dari daerah pendalaman. Negeri-negeri jajahan takluk Melaka iaitu yang membayar ufti seperti Petani, Pahang, Kedah, Terengganu dan termasuklah Pasai, Haru, Majapahit, Siam dan China berhubung dengan Melaka dengan jalan laut.

Di samping tugasnya sebagai panglima angkatan laut, ‘Laksamana’ juga diberi tugas-tugas tertentu dalam peraturan adat. Mengikut istiadat pada zaman Melaka dahulu, jika menjunjung duli dan bergajah, tugas ‘Laksamana’ ialah memikut pedang. Apabila berangkat Hari Raya, berusung, Penghulu Bendahari memegang kepala usungan yang di kanan dan yang di kiri ialah ‘Laksamana.’ Pada hari kedua puluh lapan bulan Ramadhan, ‘Laksamana’ mengarak serban kerana adat raja Melayu berangkat ke masjid, bertengkolok dan berbaju sarong (Shellabear, 1986:89).

Selain daripada tugas-tugasnya dalam peraturan adat, ‘Laksamana’ juga diberi kuasa-kuasa keadilan. Kuasa penghukuman yang ditetapkan atas dasar ‘undang-undang kelaziman’ adalah dipikul oleh sebuah ‘Tri-Lembaga Pengadilan’ yang mengandungi ketiga-tiga jawatan kanan negara. Mengikut Sejarah Melayu;

“Adat Bendahara apabila menchercha orang, Temenggong dan Laksamana tiada bercherai dengan Bendahara. Jikalau ada orang biadab pada Bendahara, Laksamana membunuh dia, jika orang patut di-tangkap dan di-pasung, Temenggong menangkap dia.”

(Shellabear, 1986: 265)

Sistem keadilan ini juga dikuatkuaskan dengan berkesan di daerah-daerah yang membayar ufti kepada Melaka. Dalam perkara hukuman bunuh di daerah-daerah tersebut, persetujuan adalah diperlukan daripada Melaka. Apabila Siak tidak mematuhi peraturan ini, Hang Tuah diperintahkan untuk menyiasat. “Jangankan di dalam negri Melaka itu tiada dapat membunuh dengan tiada setahu raja jikalau taklok ka Melaka pun tiada boleh membunuh dengan tiada bertanya.” (Shellabear, 1986: 202).

Seterusnya kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada raja telah menyebabkan Hang Tuah sanggup membunuh sahabat karibnya sejak kecil, Hang Jebat yang dianggapnya telah menderhaka kepada raja. Hang Tuah dengan prinsipnya ‘pantang anak Melayu derhaka’ sementara Hang Jebat pula ‘raja adil raja disembah, dan raja zalim raja disanggah.’ Tindakan ini demi memelihara dan mempertahankan institusi kesultanan agar sentiasa teguh dan utuh. Kedaulatan raja mesti dipelihara dan keagungan bangsa Melayu mesti diutamakan. Namun, terdapat juga perbezaan pendapat seperti Abdul Rahman Napiah (1994: 12) meletakkan Hang Jebat sebagai pahlawan Melayu yang berani menentang raja semata-mata kerana persahabatan. Beliau menyifatkan Hang Jebat satu-satunya manusia yang sanggup berdepan dengan raja dan memecahkan tradisi feudalisme iaitu ‘pantang Melayu menderhaka.’ Hang Jebat percaya apa yang dilakukannya adalah benar dan hak. Seperti ungkapan yang diperikan oleh Usman Awang dalam bahagian akhir Kata Pengantar:

Kerajaan Melaka berdetik dalam arus sejarah  
Diam-diam laksana harimau menghendap mangsa.  
Jebat bersumpah:  
Raja adil raja disembah  
Raja tak adil raja disanggah!

(Usman Awang, 1992: 19)

Ini bermakna, menjadi ketua bagi sebuah negara merupakan suatu tugas yang sangat mencabar dan berat. Cabaran-cabaran itu wujud dalam pelbagai bentuk dan arah serta telah wujud sejak

sekian lama dalam sistem Kesultanan Melayu. Terdapat segelintir pihak yang sengaja melemparkan persepsi negatif terhadap institusi beraja. Terdapat juga individu yang semakin berani menghina para sultan dan raja di negara ini. Ada juga kalangan kumpulan yang sengaja mempertikaikan kuasa-kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong seperti mempertikaikan Perkara 153, iaitu tanggungjawab memelihara hak istimewa orang Melayu. Antara tuduhan liar mereka ialah peruntukan itu membeza-bezakan antara warganegara dan dianggap sebagai diskriminasi kepada kaum lain. Perkara 153 itu dibaca sebahagian sahaja. Ini juga tidak difahami dengan konteks sejarah. Justeru, sebagai rakyat yang telah berikrar untuk memberikan kesetiaan kepada raja dan Negara, sepatutnya menyokong dan mempertahankan sistem kesultanan di negara ini (JAKIM, 2 Ogos 2019).

Pandangan hidup Hang Tuah dan Hang Jebat berdasarkan nilai-nilai kumpulan pahlawan raja yang mengutamakan kehandalan berperang, keganasan dan taat setia kepada ketua. Unsur-unsur ini dinilai tinggi kerana mereka mengekalkan kekuasaan golongan pemerintah feudal atau massa Melayu dan menyediakan kumpulan pahlawan raja daripada segi psikologi untuk menentang kumpulan lain yang bersaing dengan mereka. Nilai-nilai ini sememangnya lazim dalam kalangan kumpulan sosial yang kesejahteraannya bergantung kepada kekuatan tentera dan bukan pada usaha buruh yang damai (Shaharuddin Maaruf, 2014). Dalam hal ini adalah disarankan agar orang Melayu menggali sejarah bangsanya supaya keunggulan jati dirinya yang benar-benar murni seperti yang dilakukan oleh Hang Tuah. Negara bangsa yang dibangungkan hendaklah berteraskan kebangsaan yang berlandaskan Islam. Rakyat hendaklah setia kepada pemerintah dan cinta akan negara sebagaimana setianya Hang Tuah kepada raja dan negeri Melaka. Pemerintah atau khalifah hendaklah orang yang adil, amanah menaungi rakyat dengan saksama. Manakala para pemimpin atau pembesar hendaklah terdiri daripada mereka beriman, mencari harta untuk kerajaan dan negara, bukan untuk diri sendiri (Haron Daud, Jebat 28 (2001).

Beberapa peristiwa menunjukkan seolah-olah raja Melayu ini tidak mempunyai batasan kuasa. Pada kenyataannya ialah ada had kuasa. Kuasa raja boleh dikawal dan disekat oleh Bendahara yang bijak dan berani. Hal ini kerana Bendahara seharusnya menjadi jurucakap rakyat sebagai pengganti Demang Lebar Daun yang turun menjadi mangkubumi kepada Sri Tribuana. Ini peristiwa waadat. Akan tetapi selepas Demang Lebar Daun, tiada lagi anak cucunya dilantik menjadi Bendahara. Jawatan Bendahara dilantik daripada keluarga diraja juga. *Sejarah Melayu* ada mengisahkan tentang Raja Muhammad iaitu putera Sultan Mansur Syah membunuh Tun Besar anak Bendahara Paduka Raja Tun Perak kerana menjatuhkan destarnya dengan bola raga. Pengikut dan keluarga Bendahara bersedia untuk membala, akan tetapi secara halus Bendahara berkata;

“Hai, hai, hendak derhakakah kamu sekalian, ke bukit? Hendak derhakakah? Cih, kerana tiada adat, hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi janganlah kita bertuankau anak raja seorang ini.”

(Shellabear, 1986: 123)

Dalam hal ini sultan tiada dapat berbuat apa-apa kerana kuasa merajakan seseorang sultan terletak pada pembesar-pembesar negeri yang diketuai oleh Bendahara. Akhirnya, Sultan Mansur Syah menegaskan;

“Celaka Si Muhammad ini. Hai Muhammad, apatah dayaku? Engkau ditolak bumi Melaka!  
(Shellabear, 1986: 124)

Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa penolakan putera raja yang bertindak kerana kesalahan kecil yang dilakukan oleh rakyat jelata. Demi menjaga keamanan negara, Bendahara berjaya mengawal keluarganya daripada bertindak membala dendam dengan alasan bahawa orang

Melayu tidak pernah menderhaka. Dengan tindakan yang bijaksana diambil oleh Sultan Mansur Syah menghantar Raja Muhammad keluar dari negeri Melaka berupaya mengelakkan timbulnya perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat jelata. Walaupun Sultan Mansur Syah sangat berat hati untuk melepaskan Raja Muhammad tetapi itu adalah jalan penyelesaian terbaik demi negeri Melaka. Raja Muhammad tetap dilantik menjadi raja di negeri Pahang tetapi tidak di negeri Melaka. Hal ini kerana kata-kata Bendahara yang tidak akan bertuankan Raja Muhammad lagi. Ini jelas menunjukkan pengaruh Bendahara cukup kuat dalam negeri Melaka dan terhadap Sultan Mansur Syah sendiri. Kesetiaan Bendahara dan para pengikutnya kepada raja Melaka jelas apabila tiada berlaku pemberontakan akibat peristiwa pembunuhan Tun Besar, anak Bendahara. Raja yang baik merupakan kepimpinan yang dapat merahmati kehidupan rakyatnya sehingga pemerintahannya disanjung dan dihargai sepanjang masa. Raja sebagai pemerintah yang baik juga dapat membangunkan kerajaannya dengan kemajuan ekonomi, sosial dan pentadbiran. Raja yang disayangi ialah raja yang sentiasa berlaku adil kepada rakyatnya. Kepimpinan raja dihargai apabila baginda tidak mementingkan hawa nafsunya sehingga mengorbankan kerajaan dan keturunannya (Ramlah Adam, 2016).

Perhubungan rapat antara raja dan rakyat hanyalah di antara raja dan Bendahara. Kebiasaannya jawatan Bendahara itu merupakan bapa saudara raja itu sendiri. Oleh itu, jika raja gering, orang yang bertanggungjawab memelihara raja ialah Bendahara sendiri. Akan tetapi jika raja yang tidak mempunyai pandangan jauh dan sentiasa menaruh dendam, bapa saudara sendiri akan dibunuhnya. Begitu juga raja yang zalim dan tidak berhati perut akan sanggup memperkosa isteri pembesarnya. Ini terjadi dalam peristiwa Tun Bajid iaitu salah seorang pembesar raja sendiri. Namun begitu yang menghalang Tun Bajid daripada membunuh rajanya ialah perhubungan antara raja dengan rakyat yang diikat oleh satu konsep iaitu derhaka. Konsep yang dibawa dan terbina oleh waadat antara Sri Tribuana dengan Demang Lebar Daun. Seperti ungkapan Tun Bajid sendiri;

“Hai Sultan Mahmud, demikianlah pekerjaan tuan-hamba akan hamba? Sayang tuan-hamba tuan pada hamba; jikalau tuan-hamba bukan tuan kepada hamba, jika tiada leming ini kutumbukkan di dada bukan hamba anak laki-laki.”

(Shellabear, 1986: 159)

Ini diperakui sendiri oleh Sultan Mahmud Syah. Sultan Mahmud Syah sendiri menegaskan keadaan sebenarnya;

“Jangan kamu semua marah, kerana katanya itu benar, kita sedia telah salah padanya: pada hukumnya patut dibunuhnya. Daripada ia hamba Melayu tiada muhu derhaka, maka demikian lakunya.”

(Shellabear, 1986: 160)

Keadaan serba salah yang membenggu rakyat Melayu ini menjadi salah satu faktor rakyat tidak dapat maju keluar dari batasan kongkongan. Malah tidak boleh menjadi lebih kaya, lebih bijak, lebih terkemuka dalam sebarang bidang kerana tidak boleh melebihi raja atau kaum pertuanan. Jika lebih cerdik akan dibunuh seperti peristiwa budak cerdik dalam peristiwa Singapura dilanggar todak. Pendek kata kebolehan orang biasa menjadi terpendam dan hanya mengharapkan rezeki pada pembesar-pembesar yang menjadi tuan mereka. Nama orang kebanyakannya seperti Si Berkat, Selamat dan Si Tawakal menggambarkan keadaan yang ironis, iaitu satu situasi dalam keadaan rakyat hanya menyerah kepada nasib yang dibentuk oleh pihak Yang Dipertuan dan pertuanan (Syed Zulflida S.M. Noor, 2006).

Inilah satu dilema bangsa Melayu akibat waadat antara Sri Tribuana dengan Demang Lebar Daun. Haruskah rakyat berterusan ditimpa daulat sepanjang zaman? Sekiranya waadat ini berterusan memungkinkan bangsa Melayu mengikut jejak Tun Mai Ulat Bulu yang tidak mahu menyembah rajanya tetapi terus berperang bermati-matian mempertahankan negaranya dari ancaman musuh. Kata Tun Mai Ulat Bulu, Temenggung yang mempertahankan dua negeri Melayu dari Portugis-Melaka dalam tahun 1511 dan Bentan dalam tahun 1526 iaitu sebelum jatuhnya Kota Kara;

“Syahadan akan patik ini tiadalah mengadap ke bawa duli Yang Dipertuan lagi, insya-Allah Ta’ala, jika lau Kota Kara alah, patik itu matilah.”

(Shellabear,1986:212)

Hakikatnya masyarakat Melayu hari ini tidak lagi menghiraukan waadat yang termeterai dahulu. Antara isu-isu seperti Mahadi Ibrahim, 58, seorang pesara membuat kenyataan menghina Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, menerusi aplikasi WhatsApp, dengan niat menyakitkan hati orang lain pada jam 10.48 malam, 4 Jun 2020 di Taman Semenyih Indah daerah Hulu Langat. Dia dituduh mengikut Seksyen 233 (1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 233 (3) akta sama, yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun, atau kedua-duanya jika sabit kesalahan (<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/706919/denda-rm5000-hina-sultan-tengku-mahkota-johor>, 3 Julai 2020). Ini merupakan perbuatan dan memperlihatkan sikap tidak bertanggungjawab masyarakat awam yang sudah melupakan penghayatan terhadap Rukun Negara. Sekiranya penghayatan Rukun Negara tersemat kukuh di jiwa rakyat Malaysia sudah semestinya perkara sebegini tidak akan berlaku kerana prinsip yang kedua menyatakan dengan jelas bahawa rakyat perlu menumpukan sepenuh kesetiaan kepada raja dan negara (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2010). Rakyat Malaysia perlu berpegang teguh kepada Rukun Negara dan satu daripadanya adalah kesetiaan kepada raja dan negara. Hal ini kerana Institusi Diraja perlulah dihormati dan tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana pihak.

## Kesimpulan

Ternyata bahawa kesetiaan kepada raja dan negara penting demi kelangsungan hidup dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Hal ini kerana apabila prinsip Rukun Negara khususnya kesetiaan kepada raja dan negara itu dihayati dan difahami oleh segenap lapisan masyarakat. Ini akan mewujudkan perasaan hormat terhadap Institusi Diraja yang telah wujud sekian lama di tanah air ini. Perasaan cinta akan negara perlu sentiasa mekar dalam jiwa demi mempertahankan tanah air daripada diceroboh oleh musuh. Prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara ini bukan khusus kepada sesuatu etnik tertentu sahaja tetapi untuk semua masyarakat yang bergelar warganegara Malaysia. Peristiwa sejarah telah membuktikan bahawa sesebuah tamadun itu akan runtuh sekiranya tiada kesetiaan rakyat terhadap pemimpin dan negara bangsa.

## Bibliografi

- Abdul Aziz Bari. (2006). Majlis Raja-Raja: Kedudukan dan Peranan dalam Perlembagaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Bandan. 1994. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). *Rukun Negara dalam memperkuatkannya ketahanan negara*. In: Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia", 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok , pp. 443-457. ISBN 978-983-44865-3-2
- Abdul Rahman Napiah. (1994). *Tuah-Jebat dalam Drama Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sarji. (2004). *Hang Tuah Tokoh Erek Nasional*. Selangor: Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd.
- Berita Harian Online. 3 Julai 2020. Denda RM5,000 hina Sultan, Tengku Mahkota Johor. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/07/706919/denda-rm5000-hina-sultan-tengku-mahkota-johor>. Dirujuk pada 9 November 2020.
- Haron Daud. (2001). Kembalikan Hang Tuah Ke Tempatnya, dalam *Jebat* 28(2001)107-122.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Teks Khutbah Tajuk : Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara Tarikh Dibaca : 1 Zulhijjah 1440H/ 2 Ogos 2019M. [http://www.islam.gov.my/images/eKhutbah/Teks\\_Khutbah\\_Kesetiaan\\_Kepada\\_Raja\\_Dan\\_Negara\\_Rumi\\_1.pdf](http://www.islam.gov.my/images/eKhutbah/Teks_Khutbah_Kesetiaan_Kepada_Raja_Dan_Negara_Rumi_1.pdf). Dirujuk pada 5 November 2020.
- Mazlan Ismail. (2007). *Siri Kamus 1088 Peribahasa*. Selangor: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mohamad Badon & A. Samad Harun. (1993). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Muhammad Yusoff Hashim. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka Edisi Kedua*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raduan Tambi. (2013). *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Dasar Negara.
- Ramlah Adam. (2016). *Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu: Membelai Romantisme Dekaden*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Shellabear W.G. (1984). *Sejarah Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syed Husin Ali. (2014). *Raja-raja Melayu: Kemajuan atau Kemunduran?* Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Syed Zulflida S.M. Noor. (2006). *Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Usman Awang. (1992). *Matinya Seorang Pahwan-Jebat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Norhasniah Wan Husin. (2015). *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.